PP

lwn.

MOHAMED ABBAS SAID

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
MOHD AZMAN HUSIN PK
[PERBICARAAN JENAYAH: NO. 45-18-2001]
24 APRIL 2006

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Prinsip - Kesetimpalan - Tertuduh mengaku salah - Rayuan meringankan hukuman - Kepentingan awam dan tertuduh diambil kira - Sama ada hukuman dijatuhkan mencukupi - Akta Dadah Berbahaya, ss. 6, 39A(2)(f)*

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Sabitan - Tertuduh berumur lebih kurang 50 tahun - Sama ada dikenakan ke atas tertuduh - Kanun Tatacara Jenayah, s. 289(c)*

Tertuduh didapati mempunyai dalam milikannya cannabis seberat 2,838 gram, iaitu suatu kesalahan di bawah s.6 Akta Dadah Berbahaya dan boleh dihukum di bawah s. 39A(2)(f) Akta yang sama. Tertuduh telah mengaku salah atas pertuduhan tersebut dan memahami segala sifat akibat pengakuan. Dalam rayuan meringankan hukuman, peguam tertuduh memohon hukuman yang ringan atas alasan umur beliau yang sudah berumur dan kerjasama yang penuh, lancar dan mudah yang diberikan kepada pihak polis. Pendakwaraya memohon hukuman berat atas alasan kepentingan awam patut diambilkira dan hukuman paling minima yang patut dijatuhkan adalah 10 tahun.

Diputuskan:

(1) Mahkamah mengambil kira kepentingan kesemua pihak iaitu kepentingan awam dan juga tidak mengabai kepentingan tertuduh. Kesalahan tertuduh adalah serius. Jenis dadah yang terlibat adalah 'cannabis' yang tidak seserius heroin, morphin, shabu dan dadah campuran bahan kimia yang lain. Tertuduh telah mengaku salah pada tarikh pertama pertuduhan yang lebih ringan dikemukakan, faktor pengakuan salah boleh diambilkira berdasarkan fakta kes. Tertuduh telah memberi kerjasama yang penuh kepada polis dan telah membawa polis kepada penemuan ganja. Faktor umur tertuduh yang sudah 56 tahun dan latarbelakangnya sebagai seorang duda juga telah diambilkira. Kes ini juga bukan merupakan 'worst possible

example'. Tertuduh juga telah insaf dan kesihatannya juga ada terganggu. Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara selama 10 tahun berkuatkuasa dari tarikh tertuduh ditangkap. Mahkamah tidak mengenakan hukuman sebatan kerana tertuduh berumur lebih kurang 50 tahun berdasarkan peruntukan s. 289(c) Kanun Tatacara Jenayah. Mahkamah berpendapat hukuman yang dijatuhkan adalah mencukupi berdasarkan prinsip-prinsip hukuman. (perenggan 13 & 14)

[Perintah seharusnya.]

Kes-kes yang dirujuk:
Abu Bakar Alif v. R [1953] 19 MLJ 19 ***(dirujuk)***
Muhammed Hassan v. PP [1998] 2 CLJ 170 FC ***(dirujuk)***
PP v. Low Kok Wat [1989] 3 MLJ 123 ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Nooh Yusof & Ors [1993] 4 CLJ 275 HC ***(dirujuk)***
R v. Ball 35 Cr App R 164 ***(dirujuk)***
Yusmarin Samsudin v. PP [1999] 4 CLJ 391 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 289(c)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 6, 37A(1)(b), 39A(2)(f), 39B(1)(a)

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Mohd Azman Husin PK:

[1] Dalam kes ini tertuduh dituduh di Mahkamah Tinggi Ipoh pada 20 Februari 2006 atas pertuduhan pilihan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 25.04.2000, jam lebih kurang 10.50 malam di rumah No. 27, Pesara 11, Taman Klabang Jaya, Chemor, di dalam daerah Kinta, di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, telah memiliki dadah berbahaya, iaitu 2,838 gram cannabis dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39A(2)(f) Akta yang sama.

[2] Dia mengaku salah atas pertuduhan tersebut, faham segala sifat akibat pengakuan.

[3] Menurut fakta kes yang dikemukakan oleh pendakwaan, pada 25 April 2000 jam lebih kurang 10.30 malam, pengadu C/Insp. Elias Abu Bakar dan sepasukan polis membuat serbuan di rumah No. 16, Laluan 3, Taman Klabang Jaya, Chemor, Perak. Pengadu menahan seorang lelaki Melayu iaitu tertuduh di ruang tamu di rumah tersebut. Kemudian pengadu memberi amaran di bawah s. 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya kepada tertuduh. Tertuduh memberitahu pengadu bahawa "saya ada menyimpan lagi tiga ketul ganja di rumah lama saya".

[4] Jam lebih kurang 10.50 malam, tarikh yang sama, tertuduh membawa pengadu dan pasukannya ke rumah No. 27, Pesara 11, Taman Klabang Jaya, Chemor. Tertuduh membuka kunci pagar rumah tersebut dengan kunci yang ada padanya. Tertuduh membawa pengadu ke bilik kedua rumah tersebut dan mengeluarkan sebuah kotak jenama JVC Video CD Player XL-SV 23GD (eks. P8) dari sebuah setor kecil bawah tangga bilik tersebut. Tertuduh menyerahkan kotak itu kepada pengadu. Pengadu membuka dan memeriksa kotak itu dan mendapati tiga ketulan mampat berbalut kertas timah diikat dengan tali dan dibalut dengan plastik lutsinar disyaki cannabis (ganja). Pengadu menyediakan senarai bongkar, menangkap tertuduh, merampas barang kes P9A-C tersebut dan membawa balik ke balai polis. Pengadu membuat laporan polis Chemor Report 477/2000 – eks. P5. Barang kes dan tertuduh diserahkan kepada Pegawai Penyiasat C/Insp. Mohd. Yusmen Mohd. Yusof. Barang kes dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa. Ahli kimia mengatakan barang kes tersebut bertanda P9A-C adalah cannabis seberat 2,838 gram. Laporan kimia adalah eks. P4.

[5] Siasatan polis mendapati tertuduh mempunyai dalam milikannya cannabis seberat 2,838 gram suatu kesalahan di bawah s. 6 Akta Dadah Berbahaya dan boleh dihukum di bawah s. 39A(2)(f) Akta yang sama.

[6] Dalam rayuan meringankan hukuman, peguam tertuduh memohon hukuman yang ringan berkuatkuasa dari tarikh tertuduh ditangkap 25 April 2000 atas alasan:

1. Tertuduh berumur 56 tahun.
2. Tertuduh bekerja sebagai penjual buah sebelum ditangkap.
3. Isteri tertuduh telah meninggal dunia.

4. Tertuduh dari awal lagi memohon Pendakwa Raya meminda pertuduhan kepada yang lebih ringan dan dia bersedia untuk mengaku salah.

5. Tertuduh telah insaf.

6. Fakta kes menunjukkan tertuduh telah memberi kerjasama yang penuh, lancar dan mudah kepada pihak polis.

7. Tertuduh telah membawa polis kepada penemuan cannabis eks. P9A-C.

8. Semasa serbuan terdapat orang lain bersama di rumah pertama tertuduh ditahan.

9. Tertuduh telah mengaku salah.

10. Kesihatan tertuduh menurun atau kurang baik.

[7] Pendakwa Raya memohon hukuman berat atas alasan:

1. Kepentingan awam patut diambil kira.

2. Jumlah cannabis yang dirampas ialah 2,838 gram.

3. Cannabis adalah satu daripada jenis dadah yang disenaraikan di bawah Akta Dadah Berbahaya.

4. Statistik menunjukkan kesalahan dadah di negara kita meningkat.

5. Tertuduh ada kesalahan lampau seperti rekod eks. P11.

6. Minta hukuman berat.

7. Hukuman paling minima yang patut dijatuhkan ialah 10 tahun.

Kedudukan Undang-Undang Untuk Hukuman

[8] Seksyen 39(2)(f) berbunyi:

> Every person found guilty of an offence against this Act where the offence is not punishable with death and where the subject matter of the offence is (f) 50 grammes or more in weight of cannabis.

A Shall, instead of being liable to the punishment provided for that offence under the section under which the person has been so found guilty, be punished with **imprisonment for life or** for a term which shall not be less than **five years,** and he shall also be punished with **whipping** of not less **than ten** strokes

B Memandangkan tertuduh berumur lebih 50 tahun, mahkamah merujuk kepada s. 289(c) Kanun Tatacara Jenayah yang memperuntukkan bahawa:

No sentence of whipping shall be executed by instalments, and
C none of the following persons shall be punishable with whipping:
(c) males whom the Court considers to be more than fifty years of age.

[9] Menurut prinsip penghukuman, mahkamah merujuk kepada kes *Abu Bakar bin Alif v. R* [1953] 19 MLJ 19 yang merujuk
D kepada kes yang tersohor *R v. Ball* 35 Cr App R 164 yang mengatakan:

The Court does not alter a sentence which is the subject of an appeal merely because the members of the Court might have
E passed a different sentence. The trial Judge had seen the prisoner, and heard his story and any witnesses to character he may have chosen to call. It is only when a sentence appears to err in principle that this Court will alter it. The first and foremost consideration of punishment is the public interest.

F The object of punishing crime is not only to punish the offender but also to deter others. Public interest is best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living. Our law does not, therefore, fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the Court to decide what is appropriate sentence in the particular
G circumstances of each case. It is for these reasons that evidence of antecedents and character should be taken before sentence in respect of each convicted person.

[10] Dalam kes Mahkamah Rayuan *Yusmarin Samsudin v. PP*
H [1999] 4 CLJ 391 di ms 394 mengatakan bahawa:

The principles of sentencing have long been and well settled in our criminal law jurisprudence and a court seized with a jurisdiction is empowered to take into account the following considerations:

I

i. The extent and seriousness of the offence committed;

ii. The guilty person's antecedents; and

iii. The public interest factor.

[11] Dalam kes *PP v. Mohd Nooh Yusof & 2 Ors* [1993] 4 CLJ 275 diputuskan bahawa:

> The maximum punishment should be reserved for the worst possible example of the offence under section 39A(2) of the Dangerous Drugs Act. However the facts in the present case is not an example of the "worst possible examples" for an offence under section 39(2) of the said Act.

[12] Dalam kes Mahkamah Agung *Muhammed Hassan v. PP* [1998] 2 CLJ 170 selepas perbicaraan penuh, Mahkamah Tinggi mendapati tertuduh bersalah dan dihukum mati. Dalam rayuan, Mahkamah Agung membenarkan rayuan tertuduh mengenepikan hukuman mati dan menggantikannya dengan hukuman penjara 16 tahun dan 10 kali sebatan.

Pendapat Mahkamah

[13] Selepas meneliti keadaan kes ini mahkamah berpendapat:

1. Faktor kepentingan awam adalah asas kepada penghukuman.

2. Kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh adalah serius.

3. Jenis dadah yang terlibat adalah "cannabis" tidak seserius heroin, morpin, shabu dan dadah campuran bahan kimia yang lain.

4. Pendakwa Raya telah meminda pertuduhan kepada yang lebih ringan iaitu dari kesalahan bawah s. 39B(1)(a) kepada s. 6 yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2)(f) Akta Dadah Berbahaya.

5. Tertuduh mengaku salah pada tarikh pertama pertuduhan yang lebih ringan dikemukakan, faktor pengakuan salah boleh diambil kira berdasarkan fakta kes yang dikemukakan. Tertuduh telah memberi kerjasama yang penuh kepada polis. Tertuduh telah membawa polis kepada penemuan ganja tersebut. Seandainya, kes ini dibicarakan adalah sukar bagi pendakwaan membuktikan kesukarelaan keterangan tersebut. Mahkamah menerima pakai prinsip yang dinyatakan oleh YA Hakim Mohamad Dzaidin

dalam kes *PP v. Low Kok Wat* [1989] 3 MLJ 123 di ms 124: "The extent to which a plea of guilty is a mitigating factor must depend on the facts of each case, and it cannot be a powerful mitigating facts when effectively no defence to the charge was available to the accused".

6. Faktor umur dan latar belakang tertuduh juga berkaitan. Sekarang tertuduh berumur 56 tahun dan merupakan seorang duda yang terbiar. Anak-anak tidak lagi memperendahkannya.

7. Masa mahkamah tidak terbuang. Begitu juga kos kehadiran. Saksi dapat dijimatkan.

8. Kes ini bukan merupakan "worst possible example".

9. Tertuduh telah insaf. Jika dia menjalani hukuman penjara sepenuhnya 10 tahun dari tarikh tangkap, dia akan keluar pada tahun 25 April 2010 dan ketika itu umurnya sudah mencecah 60 tahun.

10. Kesihatan tertuduh juga ada terganggu.

11. Mahkamah mengambil kira kepentingan kesemua pihak iaitu kepentingan awam dan juga tidak mengabaikan kepentingan tertuduh.

12. Kesalahan lampau tertuduh seperti yang tercatat dalam eks. P11.

[14] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara selama 10 tahun berkuatkuasa dari tarikh tertuduh ditangkap 25 April 2000. Mahkamah tidak mengenakan hukuman sebatan kerana tertuduh berumur lebih kurang 50 tahun berdasarkan peruntukan s. 289(c) Kanun Tatacara Jenayah. Mahkamah berpendapat hukuman yang dijatuhkan adalah mencukupi berdasarkan prinsip-prinsip hukuman.